

YAM. DATO' SERI SYED ANWAR JAMALULLAIL

YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail aged 50, a Malaysian was appointed as the Chairman of MRCB on 24 January 2002. He is an indirect substantial shareholder by virtue of his substantial shareholdings in Realmild (M) Sdn Bhd which is a substantial shareholder of MRCB. He is a Chartered Accountant and Certified Practising Accountant (CPA), Australia. He holds a Bachelor of Arts (Accounting) from Macquarie University, Sydney and started his career as Financial Accountant with Malaysia Airlines System Berhad in 1975. He joined PriceWaterhouse (Australia) as Senior Auditor in 1979 and three years later D & C Nomura Merchant Bank Berhad as Manager, Investment. In 1985, he joined Amanah Merchant Bank Berhad as Manager, Corporate Finance. YAM. Dato' Seri pursued his own business from 1989 until October 1998 when he joined Amanah Capital Partners Berhad as its Group Managing Director.



YAM. Dato' Seri Syed Anwar also sits on the Boards of Amanah SmallCap Fund Berhad, a public listed company and a number of public companies namely Amanah Capital Malaysia Berhad, Asia Unit Trusts Berhad, Amanah SSCM Asset Management Berhad, Amanah General Insurance Berhad, Malaysia Discounts Berhad, Bangkok Bank Berhad and various private companies. In September 2001, he was appointed as the Chairman of Investment Panel of Tabung Haji. He was also appointed as Chairman of Sistem Televisyen Malaysia Berhad on 24 January 2002.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of MRCB. He has no personal interest in any business arrangement involving MRCB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

YAM. DATO' SERI SYED ANWAR JAMALULLAIL

YAM. Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail berusia 50 tahun,warganegara Malaysia, telah dilantik sebagai Penggerusi MRCB pada 24 Januari 2002. Beliau adalah pemegang saham utama secara tidak langsung menerusi pegangannya dalam Realmild (M) Sdn Bhd yang merupakan pemegang saham utama MRCB. Beliau adalah seorang lulusan Akauntan Bertauliah dan Akauntan Pengamal Bertauliah (CPA), Australia. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera (Perakaunan) daripada Macquarie University, Sydney dan memulakan kerjaya sebagai Akauntan Kewangan bersama Malaysia Airlines System Berhad pada tahun 1975. Kemudian beliau menyertai PriceWaterhouse (Australia) sebagai Juruaudit Kanan pada tahun 1979 dan tiga tahun selepas itu menyertai D&C Nomura Merchant Bank Berhad sebagai Pengurus, Pelaburan. Pada tahun 1985, beliau menyertai Amanah Merchant Bank sebagai Pengurus, Kewangan Korporat. YAM. Dato' Seri menjalankan perniagaan sendiri dari tahun 1989 hingga Oktober 1998 dan selepas itu menyertai Amanah Capital Partners Berhad sebagai Pengarah Urusan Kumpulan.

YAM. Dato' Seri Syed Anwar juga menganggotai Lembaga Pengarah Amanah SmallCap Fund Berhad, sebuah syarikat awam yang disenaraikan dan beberapa syarikat awam iaitu Amanah Capital Malaysia Berhad, Asia Unit Trusts Berhad, Amanah SSCM Asset Management Berhad, Amanah General Insurance Berhad, Malaysia Discounts Berhad, Bangkok Bank Berhad dan beberapa syarikat persendirian lain. Pada bulan September 2001, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Panel Pelaburan Tabung Haji. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Sistem Televisyen Malaysia Berhad pada 24 Januari 2002.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MRCB. Beliau tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MRCB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

ENCIK ABDUL RAHMAN AHMAD

Encik Abdul Rahman Ahmad, aged 33, a Malaysian, is the Chief Executive Officer of MRCB. He was appointed to the Board of MRCB on 9 August 2001. He holds a Master of Arts from Cambridge University, England and is a member of the Institute of Chartered Accountants, England & Wales.



Encik Abdul Rahman was an Assistant Manager at Arthur Andersen, London from 1992 to 1996. From 1996 to 1998, he was the Special Assistant to the Executive Chairman of Trenerry (M) Berhad/Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd. He subsequently joined Pengurusan Danaharta Nasional Berhad as Unit Head from 1998 to 1999. Prior to his appointment at MRCB, he was an Executive Director of SSR Associates Sdn Bhd from 1999 to August 2001.

Encik Abdul Rahman also sits on the Boards of Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) and The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. He is an Executive Director of TV3.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of MRCB. He has no personal interest in any business arrangement involving MRCB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

ENCIK ABDUL RAHMAN AHMAD

Encik Abdul Rahman Ahmad, berusia 33 tahun, warganegara Malaysia, adalah Ketua Pegawai Eksekutif MRCB. Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MRCB pada 9 Ogos 2001. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Sastera dari Cambridge University, England dan adalah seorang ahli Institute of Chartered Accountants, England & Wales.

Encik Abdul Rahman merupakan seorang Penolong Pengurus di Arthur Andersen, London dari tahun 1992 hingga 1996. Mulai 1996 hingga 1998, beliau merupakan Pembantu Khas kepada Pengerusi Eksekutif Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd. Selepas itu, beliau menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sebagai Ketua Unit dari 1998 hingga 1999. Sebelum perlantikan beliau di MRCB, beliau merupakan Pengarah Eksekutif SSR Associates Sdn Bhd dari tahun 1999 hingga Ogos 2001.

Encik Abdul Rahman juga menganggotai Lembaga Pengarah Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) dan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah Eksekutif TV3.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MRCB. Beliau tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MRCB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.



ENCIK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

Encik Shahril Ridza Ridzuan aged 32, a Malaysian, is the Executive Director of MRCB. He was appointed to the Board of MRCB on 9 August 2001. He holds a Bachelor of Civil Law (1st class) from Oxford University, England, a Master of Arts (1st class) from Cambridge University, England and has been called to the Malaysian Bar and the Bar of England and Wales.



Encik Shahril was a Legal Assistant at Zain & Co from 1994 to 1996. From 1996 to 1998, he was the Special Assistant to the Executive Chairman of Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd. He subsequently joined Pengurusan Danaharta Nasional Berhad from 1998 to 1999. From 1999 to August 2001, he was an Executive Director at SSR Associates Sdn Bhd.

Encik Shahril also sits on the Boards of Sistem Televisyen Malaysia Berhad, The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad and Rashid Hussain Berhad.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of MRCB. He has no personal interest in any business arrangement involving MRCB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

ENCIK SHAHRIL RIDZA RIDZUAN

Encik Shahril Ridzuan, berusia 32 tahun, warganegara Malaysia, adalah Pengarah Eksekutif MRCB. Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MRCB pada 9 Ogos 2001. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Undang-undang Sivil (Kelas Satu) dari Oxford University, England, Ijazah Sarjana Sastera (Kelas Satu) dari Cambridge University, England dan telah diterima menjadi ahli Majlis Peguam Malaysia dan Bar of England and Wales.

Encik Shahril merupakan seorang Penolong Guaman di Zain & Co dari tahun 1994 hingga 1996. Dari 1996 hingga 1998, beliau menjadi Pembantu Khas kepada Pengurus Eksekutif Trenergy (M) Berhad/Turnaround Managers Inc (M) Sdn Bhd. Selepas itu, beliau menyertai Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dari 1998 hingga 1999. Mulai 1999 hingga Ogos 2001, beliau merupakan Pengarah Eksekutif SSR Associates Sdn Bhd.

Encik Shahril juga menganggotai Lembaga Pengarah Sistem Televisyen Malaysia Berhad, The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad dan Rashid Hussain Berhad.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MRCB. Beliau tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MRCB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Y. BHG. DATUK ZAHARI OMAR

Y. Bhg. Datuk Zahari Omar, a Malaysian, aged 53, is the Executive Vice President of MRCB. He was appointed to the Board of MRCB on 26 July 1999. Datuk Zahari graduated from the University of Malaya with a Bachelor in Economics and is a Member of the British Columbia Institute of Chartered Accountants, Malaysian Institute of Accountants and Malaysian Association of Certified Public Accountants. He served as the Director of Finance and Chief Executive - Publishing Division of The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) Group in 1982 and 1983 to 1985 respectively. In 1985, he was transferred to Fleet Group Sdn Bhd as Group Operations Controller. From late 1985 to 1990 he was again with NSTP and his last position was Senior Group General Manager, Corporate Affairs. Subsequently, he joined Faber Group Berhad and Park May Bhd where he was appointed as the Managing Director from 1991 to 1994 and 1994 to 1996 respectively. From April 1996 to 25 July 1999, he was the Managing Director of TV3.



He also sits on the Boards of Sistem Televisyen Malaysia Berhad, Rashid Hussain Berhad, AMI Insurans Berhad and AMAL Assurance Berhad.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of MRCB. He has no personal interest in any business arrangement involving MRCB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

Y. BHG. DATUK ZAHARI OMAR

Y. Bhg. Datuk Zahari Omar, berusia 53 tahun, warganegara Malaysia, adalah Naib Presiden Eksekutif MRCB. Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MRCB pada 26 Julai 1999. Datuk Zahari menamatkan pengajian dari Universiti Malaya dengan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan merupakan seorang Ahli British Columbia Institute of Chartered Accountants dan Malaysia Association of Certified Public Accountants. Beliau berkhidmat sebagai Pengarah Kewangan di Kumpulan New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) pada tahun 1982 dan sebagai Ketua Eksekutif - Bahagian Penerbitan Kumpulan tersebut pada tahun 1983 hingga 1985. Pada tahun 1985, beliau telah dipindahkan ke Fleet Group Sdn Bhd sebagai Pengawal Operasi Kumpulan. Dari hujung 1985 hingga 1990, beliau sekali lagi berkhidmat dengan NSTP dan jawatan terakhir beliau adalah sebagai Pengurus Besar Kanan Kumpulan, Hal Ehwal Korporat. Selepas itu, beliau menyertai Faber Group Berhad sebagai Pengarah Urusan pada tahun 1991 hingga 1994 dan sebagai Pengarah Urusan Park May Bhd dari 1994 hingga 1996. Mulai April 1996 hingga 25 Julai 1999, beliau menjadi Pengarah Urusan TV3.

Beliau turut menganggotai Lembaga Pengarah Sistem Televisyen Malaysia Berhad, Rashid Hussain Berhad, AMI Insurans Berhad dan AMAL Assurance Berhad.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MRCB. Beliau tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MRCB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Y. BHG. DATO' AHMAD HJ. IBNIHAJAR

Y. Bhg. Dato' Ahmad Hj. Ibnihajar aged 52, a Malaysian, is a non-executive Director of MRCB. He was appointed to the Board of MRCB on 27 September 2000. He holds a Bachelor of Economics (Business Administration) and is a member of British Institute of Management.



Y. Bhg. Dato' Ahmad was a Forex Dealer/Portfolio Manager of Malayan Banking Berhad, London from 1976 to 1979. From 1980 to 1984, he was a Manager of Malayan Banking Berhad, Genting Highlands Branch and Balik Pulau Branch. He was a Director of United United Traders Securities Sdn. Bhd. from 1984 to 1991 and was an Executive Director of WM Svene-Nor JV Sdn. Bhd. from 1991 to 1993. Y. Bhg. Dato' Ahmad is the "Ketua Bahagian" of UMNO Bahagian Tanjung.

Y. Bhg. Dato' Ahmad is currently the Managing Director of Penang Port Sdn. Bhd., Chairman of D'nounce Berhad and he is also the Chairman of the Audit Committee of MRCB.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of MRCB. He has no personal interest in any business arrangement involving MRCB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

Y. BHG. DATO' AHMAD HJ. IBNIHAJAR

Y. Bhg. Dato' Ahmad Hj. Ibnihajar berusia 52 tahun, warganegara Malaysia, adalah Pengarah Bukan Eksekutif MRCB. Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MRCB pada 27 September 2000. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Pentadbiran Perniagaan) dan merupakan seorang ahli British Institute of Management.


Y. Bhg. Dato' Ahmad merupakan Wakil Penjual Forex/Pengurus Portfolio Malayan Banking Berhad, London dari tahun 1976 hingga 1979. Mulai 1980 hingga 1984, beliau berkhidmat sebagai Pengurus Malayan Banking Berhad, Cawangan Genting Highlands dan Cawangan Balik Pulau. Beliau pernah menjadi Pengarah United Traders Securities Sdn. Bhd. mulai 1984 hingga 1991 dan sebagai Pengarah Eksekutif WM Svene-Nor JV Sdn. Bhd. dari 1991 hingga 1993. Y. Bhg. Dato' Ahmad adalah Ketua UMNO Bahagian Tanjung.

Kini, Y. Bhg. Dato' Ahmad merupakan Pengarah Urusan Penang Port Sdn.Bhd., Pengerusi D'nounce Berhad. Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit MRCB.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MRCB. Beliau tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MRCB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Y. BHG. DATO' ZAINOL ABIDIN DATO' HJ. SALLEH

Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin Dato' Hj. Salleh aged 69, a Malaysian, is a non-executive Director of MRCB. He was appointed to the Board of MRCB on 27 September 2000. He holds a Bachelor of Arts in History and Malay Studies from University Malaya, Certificate in Advance Management Programme from University of Hawaii and a postgraduate Diploma in Public Administration from University of Manchester, England.



Y. Bhg. Dato' Zainol was a Director of Malaysian Student Department from 1972 to 1975. From 1977 to 1979, he was the Deputy Director Administration of General Hospital, Kuala Lumpur and was the Deputy Director Establishment of Public Service Department from 1979 to 1980. From 1980 to 1983, he was the Secretary Cabinet to the Prime Minister's Department. He was appointed as Director of Public Service Department from 1985 to 1986 and from 1986 to 1988 he was appointed as the State Secretary of Penang Government and was the President of Municipal Council, Penang from 1988 to 1990. He was appointed as the Chairman of Penang Port Commission from 1994 to 1995. He also sits on the Board of Farlim Group (Malaysia) Berhad and Sungai Ara Estates Berhad.

Y. Bhg. Dato' Zainol is a member of the Audit Committee of MRCB.

Other than as disclosed, he does not have any family relationship with any Director and/or major shareholder of MRCB. He has no personal interest in any business arrangement involving MRCB. He has had no convictions for any offences within the past 10 years.

Y. BHG. DATO' ZAINOL ABIDIN DATO' HJ. SALLEH

Y. Bhg. Dato' Zainol Abidin Hj. Salleh, berusia 69 tahun, warganegara Malaysia, adalah seorang Pengarah Bukan Eksekutif MRCB. Beliau telah dilantik ke dalam Lembaga Pengarah MRCB pada 27 September 2000. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan pengkhususan dalam Sejarah dan Pengajian Melayu dari Universiti Malaya, Sijil Advance Management Programme dari University of Hawaii dan Diploma lepasan ijazah dalam Pentadbiran dari University of Manchester, England.

Y. Bhg. Dato' Zainol pernah memegang jawatan sebagai Pengarah Jabatan Pelajar Malaysia dari 1972 hingga 1975. Dari 1977 hingga 1979, beliau menjadi Timbalan Pengarah Pentadbiran Hospital Besar, Kuala Lumpur dan menjadi Timbalan Pengarah Pertubuhan Jabatan Perkhidmatan Awam dari tahun 1979 hingga 1980. Dari 1980 hingga 1983, beliau berkhimat sebagai Setiausaha Kabinet di Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam dari 1985 hingga 1986 dan dari 1986 hingga 1988 beliau dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan menjadi Presiden Majlis Perbandaran Pulau Pinang dari 1988 hingga 1990. selepas itu, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dari 1994 hingga 1995. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Farlim Group (Malaysia) Berhad dan Sungai Ara Estates Berhad.

Y. Bhg. Dato' Zainol adalah salah seorang ahli Jawatankuasa Audit MRCB.

Selain daripada yang dimaklumkan, beliau tidak mempunyai sebarang hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham utama MRCB. Beliau tidak mempunyai kepentingan peribadi dalam sebarang urusan perniagaan yang melibatkan MRCB. Beliau juga tidak pernah dijatuhi hukuman atas sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun lepas.

